



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 07/2024

IBRAH DI SEBALIK PERTUKARAN KIBLAT

16 Februari 2024

Bersamaan

6 Syaaban 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا أُمَّةً وَاحِدَةً، وَجَعَلَ الْكَعْبَةَ لَنَا وَجْهَةً وَقِبْلَةً.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ أُولِي الْفَضْلِ وَالْكَرَامَةِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah, pada hari yang barakah ini, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dan berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah hari ini yang bertajuk:

IBRAH DI SEBALIK PERTUKARAN KIBLAT

Kaum muslimin rahimakumullah,

Pejam celik, pejam celik, kita telah memasuki bulan Sya'ban yang melakarkan pelbagai peristiwa bersejarah dan mempunyai banyak kelebihannya. Pada bulan ini, berlaku peristiwa pertukaran arah kiblat dari Masjidil Aqsa di Palestin ke Masjidil Haram, yakni Kaabah di Mekah.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli tafsir bahawa Rasulullah SAW ketika berada di Mekah, baginda menghadap ke Masjidil Aqsa dengan menjadikan Kaabah di hadapannya. Namun apabila berhijrah ke Madinah

yang terletak di bahagian utara Mekah, baginda terpaksa membelakangkan Kaabah untuk menghadap Masjidil Aqsa, kerana Madinah terletak di antara Mekah di Selatan dan Masjidil Aqsa di Utara. Hal ini mendatangkan rasa tidak senang kepada Rasulullah SAW kerana baginda terpaksa membelakangkan Kaabah yang menjadi kiblat asal para nabi dan rasul sebelum baginda. Hal ini berlanjutan selama 16 bulan sehinggalah Allah SWT menurunkan firman-Nya dalam surah al-Baqarah, ayat 144:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ
شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang memandang ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haraam (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang mereka lakukan.

Sidang Jumaat yang dimulihkan Allah,

Perubahan kiblat merupakan peristiwa nasakh atau perubahan hukum yang pertama berlaku dalam Islam. Ketetapan ini menjadi ujian kepada keimanan kaum muslimin dan keyakinan mereka terhadap wahyu Ilahi. Bagi golongan yang lemah iman, mereka mempertikaikan perubahan hukum yang berlaku

dan mempersoalkan rasionalnya. Allah SWT ingin menguji sejauh manakah kepatuhan mereka terhadap arahan Rasulullah SAW dan menggelar golongan yang mempertikaikan arahan Allah sebagai golongan yang kurang akal. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 142:

❁ سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّيْتُمْ مَا وَوَلَّيْتُمْ أَلَمْ تَكُونُوا عَلَيَّهَا قُلُوبًا لِلَّهِ

الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾

Maksudnya: Orang-orang bodoh (yang kurang akal pertimbangannya) akan berkata: "Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah - (maka ke pihak mana sahaja kita diarahkan Allah mengadapnya, wajiblah kita mematuhiNya); Allah yang memberikan petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus".

Sebagai seorang hamba, setiap individu hendaklah menyatakan kehambaan yang penuh kepada Allah. Setiap arahan dan larangan perlu diikuti dengan semampu boleh, tanpa sebarang rasa tidak puas hati atau pertikaian. Inilah hakikat ubudiyah yang ingin diuji oleh Allah dalam peristiwa peralihan kiblat tersebut.

Kaum muslimin sekalian,

Allah SWT menjadikan kiblat umat Islam kesemuanya menghadap ke Kaabah di Mekah. Kesatuan kiblat ini bukannya perkara yang sia-sia dan tiada makna, bahkan hal ini melambangkan konsep kesatuan umat Islam yang datang daripada pelbagai bangsa, warna kulit, bahasa dan tempat. Kesemuanya menyembah Tuhan Yang Satu, bersolat dengan solat yang sama, dan berkiblat dengan kiblat yang satu. Allah SWT inginkan bahawa

umat akhir zaman ini bersatu agar dapat membawa kejayaan dalam memakmurkan dunia mengikut syariah Allah SWT. Sebarang bentuk pertelingkahan wajiblah di jauhi apatah lagi berkaitan dengan agama dan ketaatan terhadap suruhan Allah. Sabda Rasulullah SAW sebagai memberi pesanan kepada umat baginda:

إِنَّمَا هَلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِاخْتِلَافِهِمْ فِي الْكِتَابِ

Maksudnya: Sesungguhnya musnahnya umat-umat sebelum kamu adalah kerana mereka bertelingkah pada al-kitab yakni wahyu Allah.

(Hadis Riwayat Muslim)

Mana-mana pertelingkahan yang membawa kepada perpecahan umat Islam hendaklah di jauhi dan di hindarkan. Antara langkah pertama yang perlu dilakukan ialah dengan mengukuhkan kesatuan melalui penyempurnaan saf solat. Rasulullah SAW bersabda:

لَتُسَوَّنَّ صُفُوفَكُمْ أَوْ لِيُخَالِفَنَّ اللَّهُ بَيْنَ وُجُوهِكُمْ

Maksudnya: Hendaklah kamu membetulkan saf solat kamu, atau Allah akan menjadikan kamu berpecah belah.

(Hadis Riwayat Muslim)

Maka setiap daripada kita hendaklah mengambil berat tentang kesempurnaan saf. Pastikan saf hadapan dipenuhi oleh orang dewasa dan saf kanak-kanak di belakang orang dewasa. Ahli jemaah yang membawa anak kecil, hendaklah berada di bahagian tepi atau belakang bersama anak-anak agar tidak mengganggu jemaah lain ketika sedang solat.

Para jemaah yang dirahmati Allah,

Antara ibrah yang dapat dipelajari daripada peristiwa ini juga, ialah perkaitan Masjidil Aqsa dan Masjidil Haram. Agama Islam merupakan agama yang benar-benar datang daripada Allah, Tuhan sekalian alam yang mengutuskan para rasul semenjak daripada Nabi Adam AS hingga ke Nabi Muhammad SAW. Bahkan syariat dan tempat-tempat suci di sisi umat Islam berkait rapat dengan tempat-tempat para rasul dan nabi terdahulu.

Hakikat ini perlu diyakini oleh umat Islam hari ini, agar mereka sentiasa mengambil berat tentang tinggalan sejarah dan tempat suci mereka. Kini, Masjidil Aqsa secara khusus masih berada dalam penguasaan Zionis yang zalim dan menindas penduduk asal di Palestin. Sebagai saudara seagama dan orang yang menghormati hak asasi manusia, perbuatan rejim Zionis terhadap umat Islam dan penduduk Palestin wajar dikritik dan dikecam dengan sehabis-habisnya. Kiriman doa dan bantuan yang mampu disampaikan perlu sentiasa diberikan dan tidak sekadar waktu bermusim sahaja. Moga-moga dengan sedikit usaha kita ini, akan dipandang oleh Allah serta menjadi asbab kemenangan kaum muslimin di sana.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebagai menutup khutbah pertama, marilah kita kembali dengan sifat kehambaan di bawah lembayung syariat Islam dan mengukuh saf perpaduan sebagaimana yang dianjurkan oleh agama kita. Ambillah iktibar dalam peristiwa perubahan kiblat agar kita berubah menjadi umat yang bersatu di bawah qiblat yang satu dan berlumba-lumba menjadi umat yang terbaik.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ

جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu (Surah Al-Baqarah : ayat 148)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Wahai hamba-hamba Allah, berbaktilah kepada Allah SWT dan jagalah setiap gerak geri dan tutur kata. Ingatlah setiap tindakan yang dilakukan dan setiap perkataan yang diucapkan pasti akan dicatat oleh malaikat. Sesungguhnya setiap manusia akan diserahkan buku amalan masing-masing pada hari Akhirat nanti, dan ketika itu setiap yang tercatat dalam buku amalan tidak dapat diubah dan tak dapat dipinda lagi. Mudah-mudahan dengan peringatan ini, kita akan menjadi hamba Allah yang mendapat rahmat serta keampunan-Nya dan dimasukkan ke dalam syurga bersama kekasih kita Nabi Muhammad SAW.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

Ya Allah,

Kami memohon hidayah dan petunjuk ke jalan kebenaran. Tetapkanlah iman kami di dalam agama-Mu. Basahilah lidah kami dengan bacaan al-Quran dan zikir kepada-Mu. Jadikanlah akhlak junjungan besar Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan kami. Pereratkanlah hubungan sesama kami, saling bekerjasama dan bantu membantu dalam kebajikan dan taqwa.

Ya Allah

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

Ya Allah,

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami di sana.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَىٰ صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.